



جاتن کحاکین شرعیہ مليسیا  
KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Department of Syariah Judiciary Malaysia  
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya  
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

LAIN-LAIN

Tel : 603-8870 9300  
Faks : 603-8870 9316  
Portal Rasmi : [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel : [mukhyuddin@esyariah.gov.my](mailto:mukhyuddin@esyariah.gov.my)

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 4 ( 31 )

Takwim : ۲۳ Rabi'ul Akhir 1440H

Tarikh : 31 Disember 2018

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri.

## ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2018

### Kehadiran Wakil Dan Bukan Ahli dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2018 pada 13 Rabi'ul Awal hingga 15 Rabi'ul Awal 1440H bersamaan 21 November hingga 23 November 2018 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung kehadiran wakil kepada ahli dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah (MJIAAMS) seperti yang berikut;

- i. jika seseorang anggota yang dilantik tidak dapat menghadiri sesuatu MJIAAMS, anggota itu boleh mewakilkan mana-mana pegawai syariah di jabatan/negeri yang sama dengannya;

SYARIAH ASAS KEADILAN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT.NO: AR 3800

- ii. mesyuarat boleh menjemput mana-mana orang yang bukan anggota mesyuarat untuk hadir dalam mana-mana MJIAAMS, jika urusan di hadapan mesyuarat itu menyebabkan kehadiran orang itu adalah wajar; dan
- iii. seseorang wakil yang menghadiri mesyuarat di bawah perenggan (i) berhak mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian MJIAAMS dan berhak mengundi.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.

(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA